

Utusan Online 12/10/2017

Malaysia negara ke-12 paling banyak dikunjungi pelancong di seluruh dunia



NAZRI Abdul Aziz menerima cenderahati daripada Ketua Pengarah Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), Datuk Mohamad Sadik Kethergany ketika Sesi Syarahan Diplomasi Budaya IDFR ke-2 di Auditorium IDFR, di sini hari ini. - UTUSAN

KUALA LUMPUR 12 Okt.- Malaysia menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, statistik yang diperoleh daripada Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) itu menunjukkan Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara maju yang menjadi pilihan utama destinasi pelancongan.

“Negara-negara seperti Perancis, Sepanyol, Itali, Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat mahupun China sudah tentu mempunyai nilai pelancongan yang tinggi tetapi apabila Malaysia berada di tempat ke-12, ini satu pencapaian yang cukup membanggakan.

“Malah, penggunaan slogan ‘Malaysia truly Asia’ menjadi slogan pelancongan terbaik di dunia. Alhamdulillah, walaupun negara kita mempunyai banyak kekurangan tetapi kita masih mampu bersaing dengan negara-negara hebat di luar sana,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan ‘Mempromosikan diplomasi budaya Malaysia’ dalam Sesi Syarahan Diplomasi Budaya di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) kedua di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Ab. Ghafar A. Tambi, Ketua Pengarah IDFR, Datuk Mohamad Sadik Kethergany. - UTUSAN ONLINE